



Pelaburan Langsung Asing Memacu Ekonomi Melaka

Pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan domestik memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri Melaka, selain sektor pelancongan. Pelbagai inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri membuktikan kepentingan FDI dalam memperkukuh kemakmuran ekonomi.

FDI merujuk pelaburan yang dilakukan oleh firma atau individu dari luar negara untuk memulakan operasi perniagaan atau memperoleh aset perniagaan di sesebuah negara. FDI juga didefinisikan sebagai pegangan asing sekurang-kurangnya 10 peratus dalam pemilikan syarikat dengan kepentingan yang berkekalan.

Sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi, FDI membolehkan penggunaan sumber secara lebih cekap dan meningkatkan produktiviti. Aliran masuk FDI terutamanya dari negara maju dapat membantu mempercepat pembangunan ekonomi negara yang kurang maju. Modal asing berfungsi sebagai saluran untuk pemindahan teknologi, penciptaan peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan eksport serta merangsang persaingan sihat antara pengeluar tempatan dengan antarabangsa. Di Malaysia, FDI telah lama menjadi pemangkin utama dalam pertumbuhan sektor perkilangan, penciptaan peluang pekerjaan dan peningkatan produktiviti.

Peningkatan aliran masuk FDI ke sesebuah negara dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antaranya termasuklah keterbukaan terhadap perdagangan, kestabilan makroekonomi, saiz pasaran, pembangunan infrastruktur, keterbukaan kewangan, perlindungan hak cipta, kadar cukai yang kompetitif, tenaga pekerja yang berpendidikan tinggi, sistem kewangan yang cekap, urus tadbir korporat yang mantap serta pelbagai insentif cukai. Faktor ini turut memberikan kelebihan kepada Malaysia dalam menarik lebih banyak FDI dan memperkukuh daya saing ekonomi negara.

Aliran masuk FDI cenderung berkurangan jika sesebuah negara mempunyai saiz pasaran yang kecil, mengenakan sekatan perdagangan atau mengalami kadar inflasi yang tinggi yang mencerminkan ketidakstabilan makroekonomi dan tahap risiko tinggi yang tinggi. Keadaan ini boleh menghakis keyakinan pelabur asing untuk melabur. Selain itu, amalan rasuah yang berleluasa

turut menjadi faktor penghalang kepada aliran FDI kerana meningkatkan kos perniagaan dan menjejaskan kecekapan perkhidmatan awam. Tahap rasuah yang tinggi bukan sahaja menyukarkan pelaksanaan projek tetapi juga menghalang pelabur berpotensi daripada menjalankan pelaburan.

Melaka sebagai Destinasi Pelaburan

Melaka yang mempunyai kelebihan dari sudut infrastruktur, pasaran yang kian berkembang, iklim pelaburan yang kondusif serta usaha promosi pelaburan yang giat dijalankan menawarkan peluang yang luas kepada pelabur asing untuk meneroka prospek pelaburan di negeri Hang Tuah ini. Kerajaan negeri giat menggalakkan pelaburan dalam pelbagai sektor pembuatan yang merangkumi sektor elektrik

Jadual 1 Jumlah FDI dalam sektor pembuatan di Melaka (2000–2023).

Tahun	Jumlah Pelaburan (RM Juta)
2000	895
2001	3,054
2002	518
2003	3,941
2004	322
2005	650
2006	1,048
2007	2,219
2008	3,452
2009	612
2010	1,194
2011	2,653
2012	409
2013	1,028
2014	1,831
2015	2,072
2016	675
2017	2,258
2018	773
2019	270
2020	1,272
2021	3,555
2022	6,514
2023 (Januari–September)	2.55

Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

dan elektronik, automotif, aeroangkasa, minyak dan gas, teknologi boleh baharu, produk halal, bioteknologi, mesin dan peralatan, farmaseutikal serta maritim.

Melaka memiliki pelbagai kelebihan yang membolehkan kerajaan negeri menarik pelaburan daripada pelbagai syarikat asing yang terkemuka. Antaranya termasuklah Konica Minolta Inc, syarikat teknologi utama dari Jepun yang telah melabur sebanyak RM350 juta dalam tempoh tujuh tahun sejak membuka kilangnya di Melaka pada tahun 2014. Xinyi Glass Holdings Ltd., syarikat pengeluar kaca terbesar di Asia menambah nilai pelaburan sebanyak RM1.5 bilion bagi pembinaan dua kilang baharu di Kawasan Perindustrian Elkay Lipat Kajang, Jasir.

Selain itu, tiga buah syarikat dari Jerman turut meningkatkan pelaburan mereka di Melaka sebanyak RM3.6 bilion. Infineon Technologies telah melabur sebanyak RM3.2 bilion manakala Leuze Electronics dan Muehlbauer Group masing-masing menambah pelaburan sebanyak RM200 juta. Texas Instruments pula memperkukuh pelaburannya dengan tambahan RM5 bilion. Sementara itu, Koa Denko (Malaysia) Sdn. Bhd., pengeluar komponen mikrocip dari Jepun meningkatkan modal pelaburan sebanyak RM750 juta untuk pembinaan kilang baharu di Ayer Keroh dalam tempoh lima tahun bermula dari tahun 2023.

Berdasarkan rekod pelaburan antara tahun 2019 hingga Jun 2024, Belanda, Hong Kong dan Jepun mencatatkan jumlah FDI tertinggi di Melaka. Pelaburan Belanda bernilai RM8.402 bilion telah mewujudkan 2,505 peluang pekerjaan, diikuti oleh Hong Kong dengan RM1.749 bilion yang menyediakan 1,230 peluang pekerjaan. Jepun pula melabur sebanyak RM1.296 bilion yang menawarkan 7,359 peluang pekerjaan.

Inisiatif Kerajaan Negeri dalam Menarik Pelaburan

Kerajaan Negeri Melaka terus komited dalam usaha menarik FDI dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif termasuklah pembangunan kawasan industri baharu seperti MCorp Hi-Tech Park dan German Technology Park. Pembangunan ini bertujuan untuk memenuhi keperluan pelabur yang menekankan aspek kelestarian teknologi dan inovasi serta merancakkan pertumbuhan sektor perindustrian berimpak tinggi di negeri ini.

MCorp Hi-Tech Park merupakan kawasan industri seluas 5,000 ekar di Daerah Alor Gajah yang merangkumi lima zon industri, iaitu industri berteraskan semikonduktor, elektronik dan elektronik; industri berteraskan pusat pengedaran global, logistik dan pergudangan; industri automotif, aeroangkasa dan komponen perkapalan; industri farmaseutikal dan peranti perubatan; serta industri bercampur dan fasiliti.

Jadual 2 Perincian FDI dalam sektor pembuatan di Melaka (2018–2023).

Industri	2018	2019	2020	2021	2023	2024
	(RM)					
Produk logam asas	2,207,633	4,969,174	-	-	-	-
Minuman dan tembakau	9,400,00	-	-	-	-	-
Elektronik dan elektrik	631,522,461	21,669,632	1,070,288,896	3,255,000,000	5,672,613,545	203,601,000
Produk logam fabrikasi	273,794	-	-	-	6,721,110	10,048,920
Pembuatan makanan	31,512,000	46,911,525	-	-	131,755,544	-
Perabot dan lekapan	-	-	-	-	-	-
Mesin dan peralatan	36,349,900	104,700,000	-	288,600,000	379,293,388	225,971,164
Produk mineral bukan logam	2,276,425	26,000,000	141,144,840	9,377,375	46,300,000	1,507,569,803
Kertas, cetakan dan penerbitan	-	-	-	-	-	-
Produk petroleum	-	-	-	-	41,188,000	-
Produk plastik	-	16,425,595	-	-	193,915,029	-
Produk getah	59,535,470	-	-	-	-	-
Tekstil dan produk tekstil	-	9,503,893	672,000	-	-	-
Peralatan pengangkutan	-	8,831,994	58,047,697	1,615,090	42,343,956	-
Kimia dan produk kimia	-	30,872,345	-	-	-	346,200,000
Peralatan saintifik dan ukuran	-	-	2,000,000	-	-	-
Pelbagai	-	-	-	-	-	41,832,000
Jumlah	773,077,683	269,884,158	1,272,153,433	3,554,592,465	6,514,130,572	2,335,222,887

Sumber: Invest Melaka Berhad.

Secara keseluruhannya, kawasan ini dijangka mewujudkan sebanyak 30,000 peluang pekerjaan.

Sementara itu, German Technology Park dibangunkan di kawasan seluas 341.18 ekar di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh. Pembangunan ini berpotensi menjanakan 10,000 peluang pekerjaan.

Selain itu, Kerajaan Negeri Melaka turut membangunkan Kawasan Perindustrian Elkay 2.0 yang memberikan tumpuan kepada industri sederhana dalam sektor kenderaan elektrik dan farmaseutikal serta industri berteknologi tinggi. Kawasan ini dijangka mewujudkan 5,000 peluang pekerjaan.

Dalam usaha menarik pelaburan berimpak tinggi dan merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri, kerajaan negeri turut membangunkan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka (SM-WEZ). Projek ini melibatkan kawasan tambak laut seluas 25,000 ekar dan merangkumi enam nukleus, iaitu Controlled Zone, Melaka Harbourfront, Smart Logistic Nucleus, Digital Satellite Township,

Central Eco Business Park dan Trade Nucleus. Pembangunan SM-WEZ dijangka mewujudkan 5,000 peluang pekerjaan pada setiap tahun, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri kasar (KDNK) negeri Melaka.

Pembangunan industri halal di Melaka terus diperkukuh melalui Melaka Halal Hub di Serkam yang merupakan pusat industri halal pertama di Malaysia. Hub ini bukan sahaja menyediakan ruang kilang, tetapi juga berperanan dalam membantu syarikat mendapatkan pensijilan halal, mengamalkan standard perkilangan baik serta memanfaatkan perkhidmatan platform digital bagi tujuan promosi.

Bagi menyokong perkembangan ekosistem industri halal, Universiti Islam Melaka (UNIMEL) menawarkan pelbagai kursus berkaitan dengan halal seperti Kursus Induksi Sembelihan (Sijil Tauliah Sembelihan). Kursus ini bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja mahir dalam sektor penyembelihan bagi rumah sembelihan



tempatan antarabangsa seperti Brazil, Australia dan New Zealand.

Dalam usaha menarik lebih banyak pelaburan baharu ke Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah memperkenalkan inisiatif Investor Development Easy Approval and License (IDEAL). Inisiatif ini bertujuan untuk mempercepat tempoh kelulusan permohonan kebenaran merancang yang sebelum ini mengambil masa sehingga 57 hari. Melalui IDEAL, tempoh tersebut dipendekkan kepada hanya 25 hari menjadikan proses permohonan lebih pantas dan cekap bagi syarikat pelabur atau industri yang ingin melabur di Melaka.

IDEAL merangkumi empat aspek utama yang bermatlamat untuk meningkatkan kelancaran urusan perniagaan pada peringkat MBMB. Antaranya termasuklah Industrial Green Lane yang mempercepat kelulusan pembangunan industri dalam tempoh 25 hari serta Prerequisite yang memastikan kelulusan bagi semua jenis pelan pemajuan dalam tempoh 22 hari. Selain itu, Self Regulation membolehkan kelulusan lengkap bagi pembangunan kediaman dalam tempoh 15 hari manakala Kebenaran Merancang 24 Jam memastikan pelan kebenaran merancang lanjutan dapat diperolehi dalam tempoh yang singkat.

Pengenalan IDEAL turut memperkasakan inisiatif Melaka Industrial Booster (MIB). Di bawah seliaan Invest Melaka Berhad, MIB bertujuan untuk mempercepat proses permohonan kelulusan pelan pemajuan pada peringkat pihak berkuasa tempatan dengan mengurangkan prosedur daripada 12 kepada enam peringkat sekali gus memendekkan tempoh kelulusan. Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) telah melancarkan Manual Pelaksanaan Melaka Industrial Booster pada 24 November 2023 yang

kemudiannya akan diikuti oleh pihak berkuasa tempatan lain.

MIB berperanan dalam mempercepat pertumbuhan sektor perindustrian, meningkatkan kemudahan pelaburan, merangsang pembangunan ekonomi, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan serta memperkukuh Melaka sebagai hab pelaburan utama. Pelaksanaan inisiatif ini mencerminkan Melaka sebagai sebuah negeri yang mesra pelabur, terutamanya dalam menarik pelaburan asing.

Seperti yang diketahui, FDI memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Melaka yang dapat dilihat melalui beberapa aspek utama. Dalam pertumbuhan ekonomi, FDI membawa masuk modal baharu yang digunakan untuk membangunkan industri dan infrastruktur sekali gus memperkasakan sektor utama seperti pembuatan, perkhidmatan dan pelancongan. FDI turut mewujudkan peluang pekerjaan baharu melalui kehadiran syarikat asing yang menawarkan gaji yang kompetitif seterusnya mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan penduduk tempatan.

FDI juga membawa teknologi serta kepakaran baharu yang dapat dimanfaatkan oleh industri tempatan. Hal ini akan mempercepat proses pemodenan dan inovasi dalam pelbagai sektor. Selain itu, FDI menyumbang kepada pembangunan kemudahan seperti pengangkutan, utiliti dan kawasan perindustrian yang lebih baik. Kemajuan ini akan memberikan impak positif kepada pembangunan wilayah. Secara keseluruhan, FDI memberikan manfaat besar kepada sosioekonomi negeri Melaka dengan menyumbang kepada pembangunan yang mampan dan pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang.